

# SM ST. Anthony Lahirkan Atlet Cemerlang Sempena Kejohanan Sukan Renang MSSWPL 2018



**Labuan** – Sekolah Menengah St. Anthony telah melahirkan dua orang atlet cemerlang renang sempena Kejohanan Akuatik MSSWPL yang diadakan pada 23 – 24 Februari 2018 baru-baru ini.

Adik Nursaimah Binti Hussin pelajar tingkatan 3 telah mendapat 2 pingat emas 1M Terjun Papan anjal dan 2M terjun papan anjal. Ini melayakkan adik Nusaimah dinobatkan sebagai Atlet Cemerlang Terjun bagi kategori 15 tahun ke bawah.

Manakala Adik Bryan Chin Bao Yang pelajar tingkatan 4 telah memperolehi 6 pingat emas dan dua pingat perak. Beliau telah dianugerahkan Atlet Cemerlang Renang kategori 18 tahun ke bawah dengan mencipta empat rekod baru bagi acara 50M dan 100M gaya kupu-kupu, 50M gaya lentang dan 100M gaya bebas, selain memenangi pingat

emas 50M gaya dada, 100M gaya dada.

Pengetua sekolah Puan Dona Undoh dalam ucapan beliau semasa Majlis Perhimpunan rasmi sekolah pada 26 Februari 2018, mengucapkan tahniah kepada 2 jaguh renang sekolah, walaupun sekolah tidak ada kolam renang tempat berlatih, kerana bakat dan sokongan ibu bapa dan disiplin diri yang tinggi bagi kedua perenang ini, mereka berjaya meletakkan diri sebagai perenang cemerlang peringkat MSSWPL.

Seluruh warga sekolah amat berbangga dengan kejayaan dua perenang sekolah ini.

Puan Dona dalam ucapannya menyatakan :

*Kita doakan kedua atlet renang ini akan terus berlatih meningkatkan kemahiran masing-masing dan mencontohi semangat perenang negara Pandalela Renong dan Welson Sim. Mudah-mudahan suatu hari nanti keduanya bakal menjadi perenang Labuan dan seterusnya perenang negara.*



Dari Kiri : En Chia Sia Theng (YDP PIBG SAS), Adik Bryan, Pn Dona (Pengetua SAS) dan Pn Michalle (Ibu Bryan)

# Sukarelawan PBSM Labuan Timba Ilmu Kejurulatihan Di Sabah



**Labuan, 27 Feb** – Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan telah menghantar 6 orang sukarelawan untuk menghadiri kursus Training Of Trainers siri ke-4 tahun 2018 bagi program First Aid Training Harmonisation(FATH) dan Health & Hygiene Promotion(H&H).

Sukarelawan terdiri daripada Pengarah BSMM W. P. Labuan (Pn. Christine Mungge), M. A Hospital Labuan (En. Viveken Krishnan), Setiausaha Kehormat BSMM W. P. Labuan (Pn. Nor

Abizah Tadin), kakitangan Asian Supply Base Sdn. Bhd ( Tn. Japariddin Yunus), Pegawai Perbadanan Labuan ( Tn. Hussin Hassim) dan Tn. Mazdi Bin Salleh.

Pengerusi PBSM Labuan Encik Sahar Misron memberitahu, kursus tersebut telah dianjurkan oleh International Committee of the Red Cross (ICRC) dengan kerjasama Ibu Pejabat Bulan Sabit Merah Malaysia negeri Sabah yang diadakan selama 3 hari 2 malam bermula pada 23-25 Februari 2018 di The Gem Hotel, Beaufort, Sabah.

Selain daripada wakil Wilayah Persekutuan Labuan, turut serta di dalam program tersebut adalah wakil daripada daerah Kuala Penyu (4 orang), Beaufort (1 orang), Sipitang (5 orang) dan Papar (5 orang).

Antara pengisian di dalam program tersebut adalah bagaimana untuk memperkenalkan diri dan BSMM kepada komuniti, penyampaian program FATH dan H&H dengan baik, ilmu Asas Pertolongan Cemas yang sesuai kepada masyarakat sekeliling dengan menggunakan bahan dan peralatan yang mudah terdapat di sekeliling serta cara-cara pegurusan dokumentasian untuk pelaksanaan program FATH dan H&H di kawasan dan daerah masing-masing.

Para peserta juga dibahagi kepada beberapa kumpulan untuk menjalani latihan dalam kumpulan untuk setiap topik yang dibincangkan dan dibentangkan di hadapan para panel dan peserta sendiri.



Tujuan daripada latihan ini adalah untuk mendedahkan kepada peserta akan situasi sebenar sekiranya peserta FATH dan H&H membuat program tersebut di kawasan dan daerah masing-masing. Latihan tersebut juga adalah bagi melatih peserta menjadi seorang fasilitator yang baik, dan tenang apabila berhadapan dengan masyarakat ketika mengajar. Ini adalah bertujuan untuk penyampaian yang lebih jelas dan mudah difahami oleh masyarakat.

Kursus telah berakhir sekitar jam 1.30 petang dengan majlis penyampaian sijil penyertaan dan sesi bergambar beramai-ramai.

Encik Sahar menyatakan bahawa PBSM Labuan akan menghantar lebih ramai sukarelawan untuk mendapat tauliah kejurulatihan pada masa hadapan.

**Berita Oleh : Pengerusi PBSM Labuan, Encik Sahar Misron**

---

# Pendedahan Peringkat Awal Cegah Rasuah Sekolah Pekan Satu



**Labuan, 27 Febuari 2018** – Dalam usaha meneruskan momentum sokongan masyarakat yang diraih melalui program Sahabat GERAH, SPRM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan Sahabat Cilik SPRM bagi membina jalinan kerjasama dengan golongan pelajar sekolah rendah dalam memerangi rasuah. Sekolah Kebangsaan Pekan Satu dan SPRM telah berganding bahu dalam mengadakan program tersebut dengan tujuan utama iaitu untuk menyerapkan rasa benci atas rasuah dari peringkat yang terawal iaitu sekolah rendah . Sahabat Cilik SPRM diwujudkan bertujuan untuk melahirkan masyarakat bebas rasuah bermula daripada pelajar sekolah rendah yang merupakan generasi pewaris kepimpinan negara.

Program yang dianjurkan oleh SPRM ini melibatkan semua pelajar tahap satu dan dua serta guru-guru SK Pekan Satu untuk diberi pendedahan mengenai kesan rasuah dan cara untuk mencegah serta mengenal pasti bentuk-bentuk rasuah dalam kehidupan harian. Selain itu, Program Sahabat Cilik SPRM ini dilancarkan oleh Timbalan Pengarah SPRM Datuk Azam Baki dan dirasmikan oleh Puan Maimoon Matnoh selaku Ketua Sektor Pembangunan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan.



Di samping itu bagi menarik minat golongan pelajar, SPRM juga melancarkan maskot dalam perjuangan membanteras rasuah yang dikenali sebagai Komisioner DZ yang dihasilkan dengan kerjasama Animonsta Studio.

Guru Besar SK Pekan Satu, Puan Anita Shyamini menyatakan dalam ucapan beliau, "Kita lihat program ini menyokong aspirasi yang terkandung dalam pelan pendidikan murid antaranya dalam pembangunan pengetahuan, kepimpinan, kreativiti, dwibahasa, nilai-nilai etika dan kerohanian. Ini kerana dalam SPRM itu sendiri sangat menekankan nilai-nilai murni seperti amanah, integriti, jujur dan akauntabiliti."

Ceramah turut menjelaskan fungsi dan peranan SPRM serta kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009. Selain itu, turut diadakan kuiz kepada pelajar. Sesi ceramah ini turut dihujani dengan pelbagai soalan yang

diajukan kepada penceramah.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar dan penyampaian cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan kepada pelajar dan guru-guru.



---

## **Pelancaran 1Hari 1Buku SMK Lajau**



**Labuan, 26 Feb – “ 1HARI 1BUKU”** Majlis Pelancaran Program NILAM SMK Lajau 2018 telah diadakan dengan jayanya pada 26 Februari 2018 dengan kerjasama daripada semua ahli jawatankuasa yang dilantik.

Majlis ini telah dimulakan dengan rutin perhimpunan sekolah iaitu lagu Negaraku, Maju dan Sejahtera, bacaan ikrar, bacaan doa dan seterusnya majlis pelancaran telah berjalan dengan lancar sebagaimana yang telah dirancang.

Majlis yang dirancang ini adalah usaha secara kolaboratif antara Pusat Sumber Sekolah dengan Panitia Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan program galakan membaca yang lebih berkesan dan dapat dijalankan secara berterusan.

Selain itu, program ini bertujuan untuk membudayakan sikap rajin membaca dalam kalangan murid disamping meningkatkan kemahiran berbahasa serta menggunakan Pusat Sumber Sekolah sebagai wahana ilmu yang berkesan. Oleh itu, Program NILAM ini bakal dijalankan sepanjang tahun

2018.

Gimik Perasmian majlis ini diadakan dengan penyerahan penanda perasmian kepada Penolong Kanan Pentadbiran SMK Lajau , Cik. Nur Ain Mohammed selaku perasmi majlis yang dibawa oleh seorang orang pesilat Melayu diiringi oleh seorang pesilat lelaki dan dua orang dayang istana serta iiringgi irama gamelan.

Ucapan Perasmian Majlis Pelancaran Program Nilam 2018 telah disampaikan oleh Penolong Kanan Pentadbiran sekaligus merasmikan pelancaran majlis tersebut. Dalam ucapan perasmian beliau menegaskan bahawa membaca menjadi tunggak utama dalam pelaksanaan PdP.

Sehubungan itu murid perlu membina amalan membaca dan menjadikan sikap suka membaca bagi menjana idea yang kreatif dan inovatif .

Dalam erti kata lain, membaca dapat meningkatkan maklumat dan bakal meningkatkan taraf hidup murid serta bakal menjadi aset negara yang tidak ternilai.

Kempen berbahasa secara betul, tumpuan kepada aspek penggunaan bahasa perlu diadakan dengan aktiviti yang bersesuaian. Usaha ini bertujuan untuk mencungkil bakat bagi memperkasakan bahasa Melayu dan Pusat Sumber Sekolah bertindak sebagai penyumbang utama.

Beliau juga menyarankan agar pelajar dan guru berkunjung ke perpustakaan untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Majlis ini adalah titik permulaan kepada pemupukan budaya membaca dalam kalangan pelajar. Semoga dengan adanya program seumpama ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar kepentingan membaca serta melahirkan pelajar yang berketrampilan serta berdaya saing dalam menimba ilmu.

Majlis ini telah diumumkan oleh Encik Yaakub bin Aji selaku Guru Perpustakaan dan Media SMK Lajau, Wilayah Persekutuan Labuan.

**Berita Oleh : Encik Mohd Jamatin Abd Latip**

## Kejohanan Akuatik MSSWPL SK Pekan Satu 2018



**Labuan, 22 – 24 Febuari** – Sekolah Kebangsaan Pekan Satu telah menyertai salah satu program yang besar pada tahun ini iaitu Kejohanan Akuatik MSSWPL dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk yang melahirkan modal insan secara holistik, tidak hanya tertumpu kepada kejayaan akademik tetapi juga bidang

kokurikulum .

Adik Mohd Nazril bin Nazir (12tahun) berjaya membawa pulang 1 Pingat Emas bagi acara papan terjun 3 meter dan 1 Pingat Gangsa bagi acara papan terjun 1 meter . Manakala, adik Mohd Hafiz Redza b. Abdullah (12 thn), turut membawa pulangan satu Pingat Emas dalam acara papan terjun 1 meter dan 1 Pingat Gangsa untuk acara papan terjun 3 meter.

Guru Besar SK Pekan Satu , Puan Anita Shyamini menyatakan bahawa murid yang cemerlang bukan sahaja dilihat pada kejayaan dalam bidang akademik semata-mata tetapi juga perlu diimbangi dengan kejayaan dalam aspek sukan dan kokurikulum.



Beliau juga menyatakan bahawa program ini menekankan aspek keselamatan murid memandangkan murid menjalankan aktiviti diluar sekolah dan turut melibatkan sekolah-sekolah yang lain.

Kejohanan ini dianjurkan oleh MSSPWL Labuan bertempat di Labuan International School dan dirasmikan oleh En Hasbullah bin Habit . Aktiviti diketuai dan dilatih oleh En Vincent Kubing AK Ajab bersama 5 peserta dari SK Pekan Satu yang terdiri daripada Mohd Nadzril B. Nasir (12

thn), Mohd Irfan Danish b. Abdul Jali (12 Thn), Mohd Hafiz Redza b. Abdullah (12 thn), Mohd Mujanir b. Inil (12thn) dan Aureil Berneil Charlie (10 thn) .

Atas titik peluh dan usaha tanpa henti serta semangat kesukanan yang tinggi , SK Pekan Satu berazam untuk terus menjalankan latihan insentif untuk melatih anak-anak SKPS demi mencungkit bakat mereka .



SKPS truly number 1!

Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya,

Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini.

---

## **Majlis Watikah Perlantikan Badan Kepimpinan Pelajar SMK Lajau Tahun 2018**



Labuan – 05 Feb 2018 : Majlis Watikah Perlantikan Badan Kepimpinan Pelajar SMK Lajau tahun 2018 telah selamat disempurnakan semasa Majlis Perhimpunan Rasmi Sekolah baru-baru ini bertempat di Dataran Gemilang SMK Lajau. Majlis watikah perlantikan pengawas tersebut merupakan penghargaan serta pengiktirafan sekolah kepada pelajar sebagai pemimpin sekolah. Melalui pengiktirafan tersebut, pelajar diberikan kepercayaan dan kehormatan dalam menjalankan khidmat bantu mereka. Watikah telah disampaikan kepada gabungan pemimpin pelajar yang terdiri daripada Pengawas Sekolah, Pengawas Pusat Sumber, Pembimbing Rakan Sebaya, serta Duta Penggerak Digital.

Dalam majlis ini, En. Mohd Jamatin Abd Latip sebagai Pengetua SMK Lajau diiringi oleh En. Jasmi Sabtu PK Hal Ehwal Murid telah menyampaikan watikah kepada wakil setiap Badan Gabungan Kepimpinan Pelajar berkenaan. Dalam majlis yang sama, adik Mohd Nazrin Shah bin Johari telah diberikan watikah sebagai Ketua Pengawas SMK Lajau manakala adik Zulaikha Nabilla binti Zulkifli telah

menerima wafat Penolong Ketua Pengawas SMK Lajau bagi tahun 2018.

En. Mohd Jamatin Abd Latip dalam ucapannya sempat menyampaikan ucapan penghargaan kepada semua pelajar yang telah berjaya dilantik sebagai Pemimpin Murid. Beliau juga memberi ingatan kepada pemimpin murid supaya dapat menjalankan amanah yang telah diberikan dengan sebaik-baiknya dalam membantu guru-guru bagi memastikan iklim sekolah terpelihara tanpa masalah disiplin. Di samping itu, keutamaan dalam pelajaran harus dititikberatkan oleh pemimpin murid sebagai suri teladan kepada murid yang lain agar sama-sama mengharumkan nama baik sekolah. Kepimpinan Pelajar SMK Lajau dibimbing oleh Encik Mohd Hisyam bin Asim dan Puan Jalina Marlina binti Kula.



Gambar Bacaan Ikrar dan Aku janji barisan kepimpinan pelajar SMK Lajau tahun 2018 yang terdiri daripada Badan Pengawas Sekolah, Pengawas Pusat Sumber, Pembimbing Rakan Sebaya, dan Duta Penggerak Digital.

Berita Oleh : Encik Mohd Jamatin Abd Latip

---

# Lions Club Mandarin W.P. Labuan Bantu Murid Sekolah Menengah St. Anthony Wilayah Persekutuan Labuan



LABUAN Lions Club Mandarin telah mengadakan salah satu projek amal membantu murid-murid dari keluarga berpendapatan rendah dalam bentuk pemberian kupon pemakanan berkhasiat. Pengerusi Lions Club Mr. Chin Kin Yin menyatakan sejumlah RM7500.00 diberikan kepada 10 orang murid terpilih di Sekolah Menengah St. Anthony W.P.Labuan. Encik Chin Kin Yin dalam ucapan beliau semasa majlis penyerahan sumbangan di SM. St. Anthony pada 31

Januari 2018, berharap dengan sumbangan dapat meringankan beban ibu bapa sekaligus menyokong para pelajar untuk meneruskan persekolahan mereka.

Puan Dona Binti Undoh selaku Pengetua sekolah SM. St. Anthony, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keperihatinan pihak Lions Club Mandarian Labuan. Menurut beliau pemilihan pelajar bagi program ini bukan sahaja dari latar belakang keluarga, tetapi juga aspek sahsiah, kehadiran ke sekolah dan pencapaian akademik. Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Encik Yee Choon Hian atas usaha mengadakan program jaringan dengan pihak NGO ini.



En Tan Chin Fah, President Lion Clubs Mandarin Labuan semasa menyampaikan ucapan di Majlis Serahan cek bernilai RM7500.00 di Sekolah Menengah St. Anthony WP Labuan



Gambar 10 orang murid terpilih sebagai penerima bantuan Lions Club Mandarin Labuan

---

## **Merentas Desa SMK Lajau 2018**



**Labuan, 4 Februari** – Merentas Desa telah menjadi program tahunan SMK Lajau di sini selaras dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melahirkan modal insan secara holistik, tidak hanya tertumpu kepada kejayaan akademik tetapi juga mengeratkan silaturrahim dalam kalangan pelajar, guru-guru dan ibu bapa.

Pengetua SMK Lajau, Encik Mohd Jamatin bin Abd Latip berkata, murid yang cemerlang bukan sahaja dilihat pada kejayaan dalam bidang akademik semata-mata tetapi juga perlu diimbangi dengan kejayaan dalam aspek sukan dan kokurikulum.

Beliau juga menyatakan bahawa program ini menekankan aspek keselamatan murid memandangkan murid berlari merentasi beberapa kampung untuk melengkapkan larian mereka termasuklah Kg. Batu Arang, Kg. Tanjung Aru dan Kg. Lajau.



Pengetua bergambar bersama peserta kategori bawah 18 tahun sebelum larian bermula

Aktiviti ini dianjurkan oleh Unit Kokurikulum dan Sukan SMK Lajau yang diketuai oleh Encik Dahlan bin Kassim, Penolong Kanan Kokurikulum dan acara ini melibatkan semua pelajar Tingkatan 1 hingga 5 termasuklah pelajar Program Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI) mewakili 5 buah rumah sukan terdiri daripada Rumah Satria, Rumah Wira, Rumah Waja, Rumah Perdana, dan Rumah Inspira.

Pertandingan yang melibatkan acara individu dan berpasukan itu meletakkan empat kategori yang terdiri daripada kategori bawah 15 tahun lelaki dan perempuan, kategori bawah 18 tahun lelaki dan perempuan di mana larian kesemua kategori ini perlu melalui laluan sejauh 7KM bagi melengkapkan larian mereka.

Rumah Wira muncul sebagai juara keseluruhan Merentas Desa SMK Lajau tahun ini manakala naib johan dimenangi oleh rumah Satria, tempat ketiga Rumah Perdana, Rumah Waja dan Inspira masing-masing tempat keempat dan kelima.

Semua pemenang tempat pertama hingga ke enam setiap kategori akan mewakili SMK Lajau ke pertandingan Merentas

Desa peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.



Pelajar-pelajar Program Pendidikan Khas (PPKI) yang menyertai Merentas Desa



Pengetua memberi bantuan air minuman kepada peserta yang keletihan berlari.



Pemenang Kategori bawah 18 tahun adik Ak Aminur Hamidon

Sumber Berita : SMK Lajau

---

# Rumah Sukan Garuda UngguLi Merentas Desa SMK Labuan



**Labuan** – Rumah Sukan Garuda, mengungguli Kejohanan Merentas Desa Peringkat SMK Labuan yang telah diadakan pada 26hb Januari 2018.

Seramai 1200 murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, dibahagikan kepada 4 kategori iaitu L15, P15, L18 & P18 telah menyertai kejohanan ini dengan jarak larian sejauh 6 km dan 8 km mengikut kategori.

Matlamat utama kejohanan ialah untuk melaksanakan salah satu acara dalam Dasar 1 Murid 1 Sukan, di mana semua murid menyertai acara ini.

Seterusnya dapat memilih wakil sekolah ke kejohanan Merentas Desa peringkat MSSWPL yang akan diadakan pada bulan Februari 2018.

Menariknya, kejohanan ini dibantu oleh pelajar Tingkatan 6 Atas sebagai ahli jawatankuasa pengelola.

Johan Kategori Individu Lelaki 18 Tahun diraih oleh Md Alias Muhammad Junaidi dari (Rumah Sukan Garuda), Johan Lelaki 15 tahun, Mahathir Hamzi (Rumah Sukan Kenyalang).

Manakala Johan Perempuan 18 tahun, Norazrina Junih (Rumah Sukan Garuda) dan Johan Perempuan 15 tahun, Dayang

Norsyafiqah Ag Azami.

Hadiah-hadiah berupa medal dan sijil disampaikan oleh Pengetua SMK Labuan.



Johan Kategori Individu : Dari kiri : Dayang Norsyafiqah, Norazrina Junih, Md Alias dan Mahathir Hamzi, bersama Ismail Abdullah dan Cheah Teong Aik.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah berharap agar aktiviti Merentas Desa ini akan mendorong murid-murid untuk terus terlibat dalam aktiviti kecergasan dan menyumbang kepada kesihatan diri sendiri.

Encik Ismail dan guru-guru juga terlibat menyertai larian sejauh 6 km sebagai sokongan dan dorongan kepada semua murid yang menyertai kejohanan ini.

Penghargaan setinggi-tingginya kepada semua guru SMK Labuan, Polis Trafik, Agensi Pertahanan Awam, Hospital Labuan dan semua pelajar Tingkatan 6 SMK Labuan.



Encik Ismail bersama guru-guru yang menyertai larian (dari kiri : Ramlae Abd Rashid, Azizan Razali , Ismail Abdullah, Jaya Masir)

## Hari Merentas Desa SAS 2018



**Labuan** – SM St. Anthony, W.P Labuan telah mengadakan acara Merentas Desa sejauh 8 Kilometer bagi kategori Lelaki A (18 tahun) dan 6 kilometer bagi kategori

Perempuan A (18 tahun), Perempuan B dan Lelaki B (15 tahun) pada pagi Jumaat yang lepas iaitu bersamaan dengan 26 Januari 2018.

Acara ini diadakan bagi mencungkil bakat murid-murid di samping mendorong mereka melakukan aktiviti yang sihat dengan konsep “Badan Sihat Otak Cergas” sebagai pemangkin kecemerlangan akademik murid sekolah ini.

Acara ini telah melibatkan hampir 440 orang murid dari tingkatan 1, 2, 3, 4, dan 5. Empat kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Lelaki 15 tahun dan Lelaki 18 tahun serta Perempuan 15 tahun dan Perempuan 18 tahun.

Menurut pengetua SAS Puan Dona Undoh, selain mencungkil bakat murid dalam acara larian, program ini juga dijalankan sebagai memilih wakil untuk pertandingan ke peringkat negeri pada tahun ini.

Puan Dona juga turut menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memberi penekanan terhadap peranan sukan dan aktiviti kokurikulum di sekolah bagi melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial iaitu selaras dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025 untuk melahirkan modal insan secara holistik yang tidak hanya tertumpu kepada kejayaan akademik semata-mata, maka Dasar 1Murid 1Sukan adalah amat sesuai diwajibkan kepada setiap murid mengambil bahagian.

Pelepasan peserta telah disempurnakan oleh NYDP PIBG SM St. Anthony iaitu Jeffry Philimon, Pengetua SAS, Dona Undoh bersama-sama dengan Penolong Kanan Kokurikulum Jakson Kuanfu, Penolong Kanan HEM Yee Choon Hian serta guru-guru SM St. Anthony.

Puan Dona merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak PDRM dan pihak Angkatan Pertahanan Awam yang

menjaga keselamatan peserta larian dan mengawal lalu lintas serta bersedia menghadapi pelbagai kemungkinan.

Keputusan keseluruhan Acara Merentas Desa SM St. Anthony pada tahun ini adalah seperti berikut iaitu Johan dimenangi oleh Rumah Sukan Waja, Naib Johan dimenangi oleh Rumah Sukan Satria dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Rumah Sukan Wira.

**Sumber berita : Cikgu DK Suhana bint PG Tassip**